

Pasaran hartanah pulih 2011

RAHIM & Co Chartered Surveyors Sdn Bhd, firma perunding hartanah antarabangsa, menjangkakan pasaran hartanah negara yang kini mengalami penurunan dalam jualan antara 10 hingga 20 peratus berikutan kelembapan ekonomi global, akan kembali pulih sepenuhnya dalam tempoh dua tahun.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Abdul Rahim Rahman, berkata pemulihan itu bakal dijana oleh pembiayaan domestik dan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) yang diunjurkan akan kembali aktif semula seiring pemulihan ekonomi global.

"Jika mengambil contoh krisis kewangan 1997, ekonomi negara terpaksa mengambil masa kira-kira tiga hingga empat tahun untuk kembali pulih, manakala pasaran hartanah pula pada masa itu

terjejas teruk.

"Bagaimanapun, situasi kelembapan ekonomi ketika ini adalah jauh berbeza dengan 1997 yang mana ekonomi negara amat stabil dan tidak terjejas teruk berbanding ekonomi negara lain.

"Justeru, dengan beberapa insentif daripada kerajaan yang sudah dan akan diperkenalkan, kami yakin jualan pasaran hartanah negara akan kembali pulih sepenuhnya dalam tempoh dua tahun akan datang," katanya pada taklimat media mengenai tinjauan sektor hartanah Malaysia, di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir Pengarah Urusan Rahim & Co, Robert Ang dan Pengarah Rahim & Co, Sulaiman Akhmady Mohd Saheh.

Abdul Rahim berkata, meskipun ramai pemaju tempatan membekukan beberapa

pelancaran hartanah terbaru mereka, terutama yang membabitkan hartanah mewah, dijangkakan situasi itu akan kembali rancak menjelang suku ketiga tahun ini.

Katanya, penurunan kadar dasar semalaman (OPR) oleh Bank Negara Malaysia (BNM) baru-baru ini juga menjadi salah satu faktor rangsangan utama kepada kerancangan pelancaran itu.

"Kami di Rahim & Co turut menasihatkan pelanggan kami membekukan dulu pelancaran hartanah terbaru mereka yang sebelum ini dijadual dilancarkan pada Disember dan awal tahun ini. Kami menasihati mereka supaya melancarkannya pertengahan tahun atau pada suku ketiga tahun ini berikutan jangkaan pemulihan dalam permintaan," katanya.

Beliau menambah, pelancaran kondominium dan

hartanah mewah ketika ini adalah tindakan kurang bijak, memandangkan permintaan yang lembap dalam keadaan ekonomi yang suram sekarang.

Katanya kondominium mewah, terutama di sekitar Pusat Bandar Kuala Lumpur (KLCC), akan menyaksikan penyusutan jualan sehingga 30 peratus kerana kebanyakan pembeli di kawasan terbabit adalah daripada kalangan pelabur asing.

"Sebahagian pembeli itu adalah dari luar negara dan disebabkan mereka kini terjejas oleh kelembapan ekonomi global, maka berakulah penurunan permintaan di kawasan KLCC," katanya.

KLCC, yang pada masa ini menempatkan lebih 12,000 unit apartmen mewah, akan menyaksikan lebih 1,000 unit siap dibina dalam tempoh dua tahun lagi.

Kami di Rahim & Co turut menasihatkan pelanggan kami membekukan dulu pelancaran hartanah terbaru mereka yang sebelum ini dijadual dilancarkan pada Disember dan awal tahun ini. Kami menasihati mereka supaya melancarkannya pertengahan tahun atau pada suku ketiga tahun ini berikutan jangkaan pemulihan dalam permintaan.

Abdul Rahim Rahman
Pengerusi Eksekutif
RAHIM & Co Chartered
Surveyors Sdn Bhd

